
TERIMA KASIH DR. SITI HASMAH

UM 26 OCT 2003

PADA tahun 2001 ketika Dr. Mahathir Mohamad mengunjungi Dubai bagi menyampaikan ucap utama pada Forum Bisnes ahli-ahli perniagaan Arab, beliau tidak diiringi isterinya Dr. Siti Hasmah Ali yang mengalami kecederaan kaki.

Semua orang tahu bahawa amat jarang Dr. Mahathir tidak diiringi isterinya ketika melawat ke seberang laut. Hanya disebabkan keuzuran atau hal lain yang lebih mustahak sahaja Dr. Siti Hasmah tidak menemani suaminya.

Di Dubai, selepas sidang akhbar dengan para wartawan Malaysia, seorang wartawan wanita dari *Bernama* memberitahu Dr. Mahathir beliau ingin bergambar dengannya untuk album kenangannya.

Sebagaimana biasa, Dr. Mahathir tidak pernah menolak permintaan sesiapa sahaja yang ingin bergambar dengannya. Bagaimanapun sebelum duduk di kerusi panjang untuk bergambar dengan wartawan wanita yang masih muda itu, Dr. Mahathir berseloroh.

"Inilah... susah kalau isteri tidak ikut sama. Tetapi tak mengapalah, dia ni (wartawan itu) pangkat cucu," katanya merujuk kepada usia wartawan tersebut yang layak menjadi cucunya.

Kami lain-lain wartawan yang ada di situ turut ketawa. Selepas itu Dr. Mahathir pula mengajak kami bergambar beramai-ramai.

Walaupun Awang sudah banyak kali meliputi lawatan Dr. Mahathir ke luar negara, peristiwa itu adalah di antara beberapa yang kekal dalam kenangan.

Gurauan Dr. Mahathir mengenai ketiadaan isterinya ketika itu menunjukkan bahawa beliau sebenarnya amat terasa kehilangan sesuatu jika Dr. Siti Hasmah tidak menemaninya.

Perkara ini mungkin kelihatan kecil sahaja kepada kebanyakan orang, tetapi bagi Awang pengertiannya adalah besar. Di sebalik kehebatan Dr. Mahathir sebagai negarawan Malaysia yang terbilang, barangkali kebanyakan kita tidak pernah memikirkan sumbangan besar yang Dr. Siti Hasmah turut berikan untuk negara.

Seperti kata pujangga, di sebalik kejayaan seseorang lelaki, pasti ada seorang wanita yang turut mencorakkannya.

Dalam kesibukan, keserabutan fikiran dan kepenatan memikul tugas Perdana Menteri, Dr. Mahathir sentiasa mendapat ketenangan dan kedamaian daripada Dr. Siti Hasmah yang telah memainkan peranan sebagai isteri yang setia, teman yang paling rapat dan tempat mencurahkan segala keluh-kesah. Seluruh negara dan rakyat Malaysia bersandar kepada Dr. Mahathir, tetapi beliau hanya bersandar kepada Dr. Siti Hasmah.

Awang percaya, tanpa Dr. Siti Hasmah, Dr. Mahathir tidak akan dapat memberikan penuh tumpuan kepada tugasnya dengan rasa tenang, selesa dan damai yang amat diperlukan oleh seseorang pemimpin.

Dan Dr. Siti Hasmah telah menjadi tempat sandaran Dr. Mahathir tanpa sedikit pun mencampuri urusan pentadbiran negara. Terima kasih Dr. Siti Hasmah!